

Simposium Pemantapan Kualiti Graduan TVET Anjuran TVETCoN

Simposium Pemantapan Kualiti Graduan TVET dengan tema *Pemantapan Kualiti Graduan Ke Arah Revolusi Industri 4.0* anjuran Jaringan Kolaborasi Rakan TVET(TVETCoN) merupakan satu platform untuk mengupas serta membincangkan isu-isu mengenai kualiti graduan TVET pada masa kini. TVETCoN adalah satu-satunya jaringan kolaborasi di antara pemberi latihan TVET(TVET *providers*) daripada beberapa kementerian. Jaringan TVETCoN ini dianggotai oleh Politeknik Seberang Perai, Institut Teknikal Jepun-Malaysia, Institut Kemahiran Tinggi Belia Malaysia Bukit Mertakam, Institut Latihan Perindustrian Perai, Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas, Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai, Nibong Tebal. Simposium yang julung kali diadakan telah menarik seramai 250 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, tenaga pengajar daripada institusi latihan kemahiran awam serta beberapa rakan industri. Dalam ucapan aluan Pengarah Politeknik Seberang Perai merangkap Pengerusi TVETCoN Yang Berusaha Lt. Kol (PA) Haji Zulkifli bin Ariffin, BCN telah menekankan aspek potensi dan bakat pada generasi TVET yang perlu dibangunkan dan dikembangkan secara holistik selaras dengan pasaran kerjaya masa kini yang semakin moden melalui aplikasi robotik dan digital manakala dalam ucapan perasmiannya Ketua Pegawai Eksekutif, Penang Skills Development Centre(PSDC), Encik Muhamad Ali bin Hajah Mydin pula telah menekankan aspek kualiti ke arah revolusi Industri 4.0 yang sedang berlaku di peringkat global sekarang ini.. Kualiti graduan merupakan salah satu aspek penting yang dapat meningkatkan produktiviti serta kelancaran sesuatu organisasi. Beliau telah menyarankan para graduan TVET agar proaktif serta peka dan rajin dalam menimba ilmu. Forum semasa symposium juga telah mengupas pelbagai isu berkaitan kualiti graduan TVET. Tiga ahli panel yang terlibat adalah Encik Razali Thamby Chik dari Construction Labour Exchange Board Centre(CLAB), Encik Kamal Ariffin Khamaruddin dari SIRIM Measurements Technology Sdn Bhd serta Encik Mohamed Bachik bin Mohamed Hussain dari Sanmina Electronics manakala En. Mohd Fahmi bin Mohd Yusop telah menjadi moderator. Simposium Pemantapan Kualiti Graduan TVET ini diharap dapat membawa transformasi minda dalam setiap graduan TVET agar cekal meghadapi cabaran-cabaran Revolusi Industri 4.0.

Disediakan oleh,
GK Marriappen
Penyelaras TVETCoN



